

INDIVIDU AUTISME DAN PERLAKUAN MELANGGAR UNDANG-UNDANG

*(Security Issues in the Computerized Land Registration System in
Malaysia: An Overview)*

*Zuliza Mohd Kusrin
zuli@ukm.edu.my

Mohd Al-Adib Samuri
al_adib@ukm.edu.my

Manisah Mohd Ali
mma@ukm.edu.my

Wafaa' Yusof
wafaa@ukm.edu.my

Fariza Md. Sham
farisham@ukm.edu.my

Fakulti Undang-undang,
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Syakir Arifin
syakirarifin92@gmail.com

Universiti Sains Islam Malaysia

Terbit dalam talian (*published online*): 1 Julai 2019

Sila rujuk: Zuliza Mohd Kusrin, Mohd Al-Adib Samuri, Manisah Mohd Ali, Wafaa' Yusof, Fariza Md. Sham dan Mohd Syakir Arifin. (2019). Individu autisme dan perlakuan melanggar undang-undang. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 31(2), 219-237.

Abstrak

Individu autisme ialah mereka yang mengalami kecelaruan neurologi yang kompleks atau gangguan perkembangan neuro yang menyebabkan mereka mempunyai tingkah laku dan minat yang luar biasa, dan lazimnya sukar dikawal. Bilangan individu autisme semakin meningkat setiap tahun namun, masyarakat umum masih kurang terdedah dengan perilaku individu

autisme. Perlakuan tersendiri individu autisme juga didapati sebahagiannya menyebabkan mereka melakukan kesalahan yang dikategorikan sebagai jenayah sivil mahupun syariah. Artikel ini bertujuan membincangkan kesan perilaku individu autisme yang mendorong mereka melakukan kesalahan melanggar undang-undang. Fokus perbincangan juga mengenal pasti jenis-jenis pelanggaran undang-undang yang dilakukan oleh remaja autisme. Kaedah pengumpulan data secara analisis kandungan dan temu bual semi struktur bersama guru di sebuah badan bukan kerajaan yang ditubuhkan bagi menjalankan program intervensi autisme. Data terkumpul kemudiannya dianalisis secara deskriptif dan kemudiannya dipersembahkan mengikut tema yang bersesuaian. Kajian mendapati bahawa individu autisme mempunyai perilaku tersendiri yang menyebabkan mereka terdedah untuk melakukan kesalahan jenayah. Perlakuan seperti sukar menyesuaikan diri dalam persekitaran dan tempat baharu, sukar memahami interaksi sosial secara verbal dan bukan verbal, dan sikap ingin tahu yang sangat mendalam atau obsesi terhadap sesuatu perkara. Perilaku berkenaan didapati menyebabkan mereka terlibat dengan kesalahan jenayah seperti melakukan pembunuhan, pembakaran, terlibat dengan kesalahan perilaku seksual dan juga kesalahan jenayah siber.

Kata kunci: ASD, autisme, kesalahan jenayah, perilaku seksual

Abstract

Individuals Individuals with autism experience complex neuro-developmental disorders in early childhood or neuro-development disturbances, as a result of which they exhibit unusual behaviours that are usually beyond their control. Despite the increasing number of individuals with autism in Malaysia, the general public is still lacking in knowledge regarding behaviours of individuals with autism. The actions of individuals with autism can at times be categorized as criminal or syariah offences. This article aims to discuss the consequence of behaviours of those individuals that result in them breaking laws. The focus of this discussion is also to identify the types of illegal offences committed by teenagers with autism. The methods of data collection are through document analysis and semi-structured interviews with teachers from a non-governmental organization that was established to conduct intervention programmes for autistic individuals. The data gathered was analysed descriptively and presented according to relevant themes. The study found that individuals with autism have their own behaviours which exposes them to committing criminal offences. These behaviours include difficulties to adapt in new places and environments, understanding verbal and non-verbal social interaction, an unusually deep

interest in or obsession with certain subjects. These behaviours are found to be capable of influencing them to commit criminal offences such as murder, arson, sexual offences as well as cybercrime.

Keywords: ASD, autism, criminal offences, sexual behaviour

PENDAHULUAN

Kecelaruhan Spektrum Autisme atau dalam bahasa Inggeris *Autism Spectrum Disorder* (ASD) merupakan gangguan perkembangan neuro yang berterusan dan kekal sehingga menjejaskan kemampuan seseorang untuk berkomunikasi dan berinteraksi dengan orang-orang di sekelilingnya (American Psychiatric Association, 1994). Autisme berasal daripada perkataan Greek *autos*, iaitu bermaksud “sendiri”. Individu autisme mempunyai imaginasi yang terhad sehingga menyebabkan mereka mempunyai ruang lingkup minat yang juga terhad, dan sering mempamerkan tingkah laku atau pergerakan badan yang berulang-ulang (Wing & Gould, 1979). Menurut Wing (1976), walaupun individu autisme tidak tergolong dalam golongan tipikal dan berfikiran waras, namun secara fizikal mereka seperti individu biasa yang lain. Malah, ada antara mereka memiliki kelebihan intelek yang tinggi. Hal ini terbukti apabila sejumlah individu yang didiagnosis sebagai autisme memiliki kepakaran dan kemahiran tertentu dalam sesetengah bidang seperti kira-kira, seni lukisan dan kemahiran lain (Liew, 2018; Rose, 2018). Kemahiran yang mereka miliki juga kadangkala melangkaui kemahiran yang dimiliki oleh individu biasa (Liew, 2018). Individu yang didiagnosis sebagai autisme tidak akan dapat pulih seperti individu normal yang biasa meskipun mereka melalui proses intervensi yang baik. Kaedah intervensi tersebut hanya bertujuan untuk membantu mereka menyesuaikan diri dengan persekitaran semasa.

Umumnya individu autisme menunjukkan ketidakupayaan dalam tiga bidang yang ketara, iaitu interaksi sosial, komunikasi dan bahasa serta imaginasi. Namun begitu, sebahagian perlakuan individu autisme termasuk dalam perkara yang dianggap melanggar undang-undang sivil dan jenayah seksual syariah tanpa mereka sedari. Perlakuan tersebut termasuklah seperti mengintai, menyentuh individu lain secara tidak sopan, mempamerkan alat sulit dan melakukan masturbasi. Hakikatnya, individu autisme tidak memahami bahawa sebahagian perilaku yang dipamerkan melanggar undang-undang. Perilaku mereka yang tersendiri dipercayai mendorongnya melanggar undang-undang.

Artikel ini membincangkan perilaku individu autisme, faktor berlakunya autisme, perilaku individu autisme dan kecenderungan melanggar undang-undang dan perlakuan melanggar undang-undang melibatkan autisme.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian berupa analisis dokumen dan temu bual secara separa berstruktur. Artikel jurnal berkaitan autisme dirujuk bagi mendapatkan data berkenaan perilaku individu autisme, termasuk perilaku seksual serta pelanggaran undang-undang yang dapat dikaitkan dengan perilaku tersendiri individu autisme. Artikel yang dirujuk merupakan terbitan antara tahun 2010 sehingga artikel 2018. Temu bual separa berstruktur juga dilakukan dalam kalangan guru di sebuah badan bukan kerajaan yang menjalankan proses intervensi autisme di Malaysia. Seramai lima orang guru yang memiliki pengalaman antara tiga hingga 20 tahun dipilih sebagai responden temu bual. Guru-guru tersebut dinyatakan sebagai Responden 1, Responden 2, responden 3, Responden 4 dan Responden 5. Kesemua data yang terkumpul kemudiannya dianalisis secara deskriptif dan tematik.

ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN

Pengenalan Kepada Autisme

Autistism Spectrum Disorder (ASD) merupakan gangguan perkembangan neuro. Hal ini dapat dikenal pasti melalui kekurangan upaya dalam berkomunikasi atau berinteraksi sosial yang dialami oleh seseorang individu selain mempamerkan minat dan tingkah laku yang berbeza (*American Psychiatric Association*, 2000). Autisme berasal daripada perkataan Greek, iaitu *autos* yang bermaksud “sendiri”. Menurut Bleuler (1950), autisme membawa maksud melarikan diri daripada realiti. Individu autisme mengalami kecacatan psikiatri yang dapat dikenal pasti melalui penjejasan interaksi sosial, komunikasi lisan dan bukan lisan, serta tingkah laku yang terhad dan berulang-ulang. Leo Kanner (1943) menyifatkan individu autisme tidak berkeupayaan menyesuaikan diri mereka secara normal dengan persekitaran. Menurut Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia (NASOM):

Autisme ialah kekurangan seumur hidup dan menampakkan kesannya dalam masa 30 bulan yang pertama seseorang bayi. Komunikasi antara mereka terbantut dan mereka tidak dapat berhubung secara langsung. Mereka juga mempunyai masalah tingkah laku. Individu autisme mempunyai kelebihan intelek yang luas. Kerap kali mereka menunjukkan kelebihan dalam bidang

matematik atau kemahiran mekanikal ataupun dalam seni muzik, *rote memory* dan lain-lain.

Hingga tahun 2013, ASD dibahagikan kepada empat kategori mengikut pecahan diagnosis. Pembahagian tersebut ialah gangguan autisme klasik, Sindrom Asperger, *Childhood Disintegrative Disorder* dan *Pervasive Developmental Disorder* (*American Psychiatric Association*, 2013). Jenis-jenis ASD ini pula pelbagai mengikut tahap keseriusan spektrum autisme seseorang individu yang berada dalam lingkungan antara autisme fungsi tinggi (*high functioning autism*) dengan autisme fungsi rendah (*low functioning autism*). Individu autisme yang dilihat hampir menyerupai individu yang biasa dari aspek kemahiran sosial dan tahap IQ dikategorikan sebagai autisme fungsi tinggi (Rudy, 2018), (Brian Mastroianni, 2018). Meskipun begitu, setelah tahun tersebut Persatuan Psikiatri Amerika Syarikat telah mengeluarkan satu garis panduan baharu bagi menentukan tahap autisme yang dialami seseorang individu. Penggantian ini dilakukan setelah mengambil kira perbezaan kaedah rawatan awal dan kadar sokongan yang diterima oleh seseorang individu autisme yang dapat memberikan banyak kesan terhadap keseriusan ASD yang dialami. *Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorder* (DSM-5) yang diterbitkan pada Mei 2013 tidak lagi mengklasifikasikan ASD kepada empat pembahagian diagnosis dan dua tahap keseriusan yang dialami seperti yang telah diterangkan di atas. Akan tetapi, mereka membahagikan ASD kepada tiga kategori tahap yang mengambil kira keseluruhan aspek termasuk semua yang dialami oleh individu dengan ASD sejak mereka masih kanak-kanak seperti kaedah intervensi yang pernah dilalui dan sokongan ahli keluarga dan masyarakat (*American Psychiatric Association*, 2013) (Brian Mastroianni, 2018).

Individu autisme juga sering kali dikaitkan dengan perilaku berkaitan seksual, antaranya perbuatan mencabul kehormatan orang lain, melakukan masturbasi dan menanggalkan pakaian di khalayak ramai, dan mempamerkan alat sulit mereka kepada orang lain (Fariza *et al.*, 2017). Temu bual bersama-sama responden juga menunjukkan bahawa perilaku tersebut turut dipamerkan oleh murid-murid autisme di pusat mereka. Contohnya, perbuatan menyentuh dada dan pinggul guru wanita, melakukan masturbasi, mencium pelajar lain yang berlainan jantina, menanggalkan pakaian dan mempamerkan alat sulit (Responden 1, 2018; Responden 2, 2018; Responden 3, 2018; Responden 4, 2018; Responden 5, 2018). Hasil temu bual juga mendapati perilaku seksual individu dengan autisme ini dapat dikenal pasti pada awal usia mereka. Sebahagian kanak-kanak autisme yang cenderung pada perlakuan seksual

kebiasaannya akan dilihat selalu bermain-main dengan alat sulit mereka sendiri. Perbuatan ini termasuklah bermain menggunakan tangan sendiri, menggosok menggunakan objek lain, menggeser alat sulit mereka pada lantai, dinding dan orang lain (Responden 1, 2018). Selain itu, perlakuan mereka ketika menyentuh orang lain harus sentiasa diperhatikan oleh ibu bapa. Sekiranya kanak-kanak tersebut cenderung untuk menyentuh bahagian sulit individu lain, mereka berkemungkinan besar akan memiliki kehendak seksual yang tinggi seiring dengan peningkatan usia mereka (Responden 2, 2018).

Meskipun perlakuan ini tidak terjadi kepada setiap kanak-kanak autisme, namun setiap pasangan ibu bapa yang memiliki anak istimewa ini harus sentiasa mengambil perhatian khusus terhadap perkara ini. Sekiranya petanda awal ini kelihatan, ibu bapa harus segera mendapatkan nasihat pakar psikologi, seterusnya melakukan intervensi awal seperti yang sepatutnya kerana dimaklumi kanak-kanak istimewa ini kurang memahami baik dan buruk atas setiap tindak-tanduk mereka. Antara intervensi yang dilakukan di organisasi tersebut termasuklah kaedah pencegahan pada peringkat awal, seawal umur empat tahun (Responden 1, 2018). Di Yayasan al-Fakeh pula, antara proses intervensi yang dilakukan termasuklah melalui pendekatan terapi al-Quran dan mengajar adab pergaulan sejak kecil lagi (Fariza *et al.*, 2017).

Faktor Berlakunya Autisme

Punca sebenar ASD ini masih tidak diketahui secara khusus, namun terdapat beberapa faktor yang didapati menyumbang ke arah tersebut. Dari aspek genetik, adik kepada individu autisme lebih berisiko mengalaminya berbanding orang lain, terutamanya bagi pasangan kembar seiras. Selain itu, autisme juga sering dikaitkan dengan kecelaruan genetik dan masalah yang berkaitan dengan perubatan seperti *Fergile X syndrome*, *Tuberous Sclerosis* dan *Phenylketonuria* (PKU).

Masalah sebelum dan selepas kelahiran juga boleh menyebabkan autisme. Antaranya termasuklah jangkitan *rubella* semasa dalam kandungan ibu, *encephalitis*, kekurangan oksigen semasa lahir dan keracunan makanan. Susunan kedudukan adik-beradik juga boleh menyumbang kepada masalah autisme, iaitu anak sulung dalam keluarga yang mempunyai dua anak, anak yang keempat atau yang berikutnya bagi keluarga yang mempunyai empat atau lebih (Gargiulo, R.M., 2003).

Berkaitan dengan fungsi otak, terdapat bukti yang kukuh bahawa ketidakfungsian *cereblum*, *limbic system* dan kemungkinan juga *temporal lobe* dan *cortex* terjadi kepada individu autisme. Kewujudan ASD juga dikaitkan dengan faktor kecelaruan *autoimmune* dan juga persekitaran. Dalam sesetengah keluarga yang mempunyai anak autisme, ketidakfungsian imuniti akan berkait dengan beberapa faktor persekitaran yang boleh menyebabkan autisme, terutamanya alahan kepada makanan seperti susu dan gandum yang tidak dapat dicernakan dengan baik (*American Psychiatric Association*, 2000). Terdapat lebih daripada 60% kanak-kanak autisme mempunyai sistem pencernaan yang kurang baik. Makanan seperti susu berasaskan haiwan dan tepung gandum tidak dapat dicerna dengan baik dan menyebabkan protein daripada makanan ini tidak bertukar menjadi asid amino ataupun pepton, iaitu bentuk rantaian akhirnya akan dinyahkan daripada badan manusia melalui kencing. Bagi kanak-kanak autisme, pepton ini akan diserap kembali oleh tubuh badan dan kemudian akan memasuki aliran darah, seterusnya akan dihantar terus ke otak dan diubah menjadi morfin, iaitu casomorfin dan gliadrofin. Keadaan ini akan menyebabkan gangguan dan kerosakan pada sel-sel otak dan menyebabkan terganggunya fungsi otak. Fungsi otak yang terganggu melibatkan kognitif, komunikasi reseptif, tumpuan perhatian dan tingkah laku (Jamila, 2005).

Perilaku Individu Autisme dan Kecenderungan Melanggar Undang-undang

Individu autisme mempunyai perilaku tersendiri yang membezakan mereka daripada individu tipikal lain. Antaranya termasuklah sukar menyesuaikan diri dalam persekitaran dan tempat baharu, tidak boleh mengalami tekanan fikiran dan perasaan yang berlebihan, tidak mampu memahami perasaan orang lain, dan sikap ingin tahu yang sangat mendalam terhadap sesuatu perkara. Hal tersebut merupakan rentetan daripada kesukaran mereka dalam interaksi sosial, kesukaran mengawal tingkah laku, dan kurang sensitif terhadap perkara yang berlaku di sekitar mereka. Mereka juga sangat fokus terhadap diri sendiri dan tidak mempedulikan apa-apa yang berlaku di persekitaran mereka (Fariza *et al.* 2017).

Rentetan itu, perlakuan tersebut telah mendorong mereka cenderung terlibat dalam pelanggaran undang-undang (Howlin, 2004, Kings & Murphy, 2014). Terdapat empat faktor yang mungkin menyebabkan individu autisme menjadi agresif dan melakukan perbuatan melanggar undang-undang. Pertamanya, sifat individu autisme yang mempunyai kelemahan

berkomunikasi menyebabkan mereka terdedah untuk dimanipulasi oleh individu lain (Howlin, 2004). Ibu bapa individu autisme kebanyakannya menyatakan bahawa proses keremajaan ini merupakan “krisis kedua” yang dialami oleh individu autisme selepas masalah ASD itu sendiri (Meister & Norlock, 1994). Kebanyakan ibu bapa juga memandang berat perkara ini dan berasa bimbang sekiranya terdapat individu lain yang mengambil kesempatan terhadap anak mereka, selain kebimbangan terhadap potensi anak mereka untuk melakukan kesalahan jenayah seksual terhadap individu lain (Nichols & Blakeley-Smith, 2010). Kekurangan dalam komunikasi sosial dan kekurangan dalam kebolehan lain turut menambah kesukaran dalam diri individu autisme untuk menerima perubahan dalam diri mereka. Oleh itu, ketika individu autisme melalui proses akil baligh, terdapat sedikit kekurangan sosial yang mereka alami berbanding remaja lain yang mengalami proses yang sama (Sullivan & Caterino, 2008).

Keduanya, gangguan terhadap jadual rutin harian menyebabkan individu autisme menjadi agresif. Individu autisme mempunyai sikap patuh terhadap rutin dan jadual harian (Howlin, 2004). Menurut Fitzpatrick *et al.* (2016) sikap agresif dalam diri individu autisme lebih tinggi berbanding individu tipikal atau individu dengan sindrom gangguan yang lain. Sikap agresif ini juga merupakan kesan negatif yang wujud dalam diri individu autisme. Kesan negatif ini hadir akibat peningkatan tekanan fikiran individu autisme yang disebabkan oleh faktor yang pelbagai seperti perubahan persekitaran hidup atau apabila ditempatkan di kawasan atau sekolah yang mempunyai peraturan yang ketat. Sikap agresif ini juga boleh menyebabkan sesetengah individu autisme melakukan tindakan di luar jangkaan seperti membakar sekolah dan perlakuan jenayah lain (Otero-López *et al.*, 2009). Contohnya, dalam laporan kes *R. Iwn Clarke* [2015] ECWA Crim 2192, disebabkan tertuduh turut mengalami masalah pembelajaran di samping autisme, tertuduh diberikan bantuan perkhidmatan sokongan selama 55 jam setiap minggu. Selain itu, sebuah badan bantuan telah menyediakan seorang staf khusus untuk menjaga dan memantau tertuduh setiap malam. Telah menjadi rutin tertuduh untuk menulis laporan berkaitan dirinya di dalam buku log yang telah disediakan pada setiap malam. Namun begitu, pada malam kejadian, petugas tersebut telah menghalang tertuduh daripada menulis laporan tersebut. Tertuduh menjadi sangat marah dan gagal mengawal dirinya. Petugas tersebut yang sememangnya sangat berpengalaman mengendalikan situasi seperti itu telah meminta tertuduh bersabar dan beredar. Meskipun enggan pada mulanya, tertuduh kemudiannya akur dan beredar meninggalkan petugas

tersebut. Setelah beberapa ketika, tertuduh kembali dan mendapati pintu bilik petugas tersebut berkunci. Tertuduh memaksa petugas tersebut untuk keluar dengan menendang pintu bilik beberapa kali. Petugas tersebut turut melaporkan bahawa beliau melihat tertuduh menghunus pisau melalui ruang di bawah pintu biliknya. Pada masa yang sama, tertuduh mengiriskan beberapa pesanan ringkas berbaur ugutan melalui telefon bimbitnya.

Ketiganya, keinginan yang mendalam terhadap sesuatu perkara berkemungkinan mendorongnya melakukan kesalahan bagi mencapai hajatnya (Howlin, 2004). Perkara ini boleh dilihat dalam kes berkaitan Gary McKinnon yang berlaku di Amerika Syarikat. McKinnon merupakan seorang penggodam komputer warganegara Scotland yang telah didakwa kerana dipercayai telah menggodam komputer dan maklumat ketenteraan sulit Amerika Syarikat dan National Aeronautics and Space Administration (NASA). McKinnon yang merupakan seorang individu dengan Sindrom Asperger menggunakan alasan gangguan sindrom tersebut ketika proses pembelaan di mahkamah bagi mengurangkan hukuman terhadap dirinya. Beliau mendakwa rasa ingin tahu yang sangat tinggi dalam dirinya terhadap maklumat tersebut menyebabkan beliau bertindak melakukan jenayah tersebut. Perkara tersebut turut diakui oleh Freckelton (2013) yang menyatakan bahawa tahap rasa ingin tahu yang tinggi dalam diri sesetengah individu dengan Sindrom Asperger boleh mendorong mereka melakukan kesalahan jenayah.

Keempatnya, menurut Wing (1981) tahap simpati yang rendah dalam kalangan individu autisme berkemungkinan menyebabkan mereka cenderung melakukan kesalahan undang-undang. Menurut Rudy (2017), kebarangkalian untuk individu autisme memiliki tahap simpati dan empati yang rendah adalah benar. Mereka kadangkala tertawa apabila melihat orang lain cedera atau tidak menunjukkan sebarang tindak balas emosi terhadap kegembiraan dan kesedihan orang lain. Teknik bacaan minda (*Skill of Mind Reading*) yang meliputi kemampuan untuk memahami fikiran orang lain melalui pemerhatian terhadap gerak-geri tubuh, ekspresi muka, dan intonasi suara merupakan kunci utama terhadap empati dan simpati dalam diri seseorang. Individu autisme dimaklumi menghadapi masalah untuk membaca fikiran orang lain, seterusnya memahami perasaan mereka disebabkan oleh kekurangan komunikasi sosial yang mereka hadapi. Hal ini menjadi punca utama mereka dilihat kurang memiliki perasaan simpati dan empati. Meskipun sifat simpati dan empati boleh dididik sejak mereka kecil, ramai ibu bapa yang kurang mengambil berat berkenaan perkara ini.

Secara amnya, ASD boleh menyebabkan individu autisme dekat dengan perlakuan jenayah atau boleh menyebabkan mereka terhindar daripada

melakukan perbuatan jenayah. Hal ini berbeza bagi setiap individu tersebut bergantung pada persekitaran dan situasi yang dialami oleh setiap individu tersebut. Sebahagian daripada mereka mungkin kelihatan agresif terhadap orang lain berbanding individu dengan ASD yang lain (Kanne & Mazurek, 2011), sukar untuk mengawal emosi, dan kurang keupayaan untuk memahami perspektif orang lain, namun sebahagian yang lain tidak mengalami keadaan tersebut (Haskins & Silva, 2006). Sebahagian daripada mereka juga memiliki perlakuan yang mungkin akan menarik perhatian pihak polis ketika berada di khalayak ramai, manakala sebahagian yang lain memiliki karakter yang baik. Begitu juga apabila dilihat dari aspek kemampuan mematuhi undang-undang, sebahagian daripada mereka mungkin mampu memahami dan mematuhi undang-undang seperti individu tipikal yang lain, manakala sebahagian yang lain gagal (King & Murphy, 2014).

Perlakuan Melanggar Undang-Undang

Terdapat beberapa jenis kesalahan melanggar undang-undang yang dilakukan oleh remaja autisme seperti jenayah pembakaran, perilaku seksual, merancang pembunuhan dan kesalahan jenayah siber. Beberapa kajian menunjukkan bahawa api merupakan *common interest* untuk individu autisme, yang kadangkala menyebabkan berlaku kebakaran (Everall & Le Couteur 1990; Murrie *et al.* 2001; Haskins & Silva, 2006). Menurut laporan kes oleh Barry-Walsh dan Mullen (2004), seorang lelaki yang mengalami sindrom Asperger telah melakukan satu jenayah dengan membakar sebuah stesen penyiaran radio berdekatan rumahnya. Lelaki berusia 24 tahun yang dinamakan sebagai KA itu bertindak melakukan jenayah tersebut hasil tindak balas tantrum dalam dirinya selepas siaran radio kegemarannya terganggu setelah beliau dan keluarganya berpindah ke tempat tinggal di bandar yang baharu. Seperti kebanyakan remaja autisme yang lain, KA tidak pernah meninggalkan rumah tanpa pengawasan ibunya dan tidak mempunyai kawan. Beliau menghabiskan masanya di rumah dengan membaca, mengkaji tentang kapal terbang perang dan mendengar stesen radio kegemarannya. Kes ini membuka mata ramai pihak pada ketika itu kerana KA yang didiagnosis mengalami Sindrom Asperger telah berjaya mencipta satu sistem jaringan penyiaran yang kompleks tanpa bantuan orang lain bagi mendapatkan akses kepada siaran radio kegemarannya dari rumah baharunya. Namun demikian, setelah beberapa ketika, sebuah stesen radio lain telah dibina berhampiran dengan stesen kegemaran KA. Hal ini menyebabkan siaran yang telah berjaya diakses melalui sistem rekaannya sebelum ini terganggu. KA telah

beberapa kali menulis surat kepada stesen radio baharu tersebut sebagai tanda protes, namun tidak dilayan. KA akhirnya bertindak menyimbah petrol ke stesen baharu tersebut dan menyalakan api. Hasil siasatan terperinci yang dijalankan terhadap KA, pakar psikologi menyimpulkan bahawa tindakan KA tersebut berpunca daripada gangguan terhadap rutin harian yang telah dilakukan selama bertahun-tahun dan perubahan terhadap persekitaran yang beliau alami setelah berpindah ke kawasan baharu (Barry-Walsh & Mullen, 2004). Hal ini menguatkan lagi pernyataan Everall dan Le Couteur (1990); Murrie *et al.* (2001); Haskins & Silva (2006) yang menyatakan sebahagian individu autisme melihat api sebagai satu *common interest* (yang diminati).

Di Amerika Syarikat, Persatuan Autisme Indiana telah menyenaraikan beberapa kes pembunuhan dan cubaan membunuh yang dilakukan oleh individu autisme. Antaranya termasuklah kes yang melibatkan pesalah yang bernama Noah McGlown, 24 tahun. Dalam kejadian yang berlaku pada 10 September 2012 itu, McGlown telah melepaskan dua das tembakan kepada seorang penunggang motosikal, Brandon Matlock. Nasib menyebelahi Matlock apabila tembakan tersebut hanya mengenai lengan dan bahagian belakang badannya dan tidak membawa kematian. McGlown ketika perbicaraan disahkan mengalami autisme. Ketika mengeluarkan keputusan kes, hakim mahkamah menyatakan bahawa McGlown tidak mengetahui perbuatan tersebut boleh membawa kematian terhadap orang lain. (*The News Courier*; 13 Feb. 2017).

Selain itu, seorang kanak-kanak lelaki telah ditahan apabila menembak seorang pembantu stesen minyak wanita berusia 21 tahun di Arkansas, Amerika Syarikat. Wanita tersebut disahkan mati di tempat kejadian. Kanak-kanak tersebut telah ditahan di pusat tahanan juvana sementara menunggu siasatan dan pendakwaan dijalankan. Namun demikian, sumber menyatakan bahawa kanak-kanak lelaki tersebut ialah seorang autisme (*Mail Online*, 3 Feb. 2017).

Kesalahan perilaku seksual juga sering kali melibatkan remaja autisme. Beberapa kajian telah menemukan bahawa terdapat beberapa jenis kesalahan jenayah seksual yang sering dilakukan oleh remaja autisme termasuk melakukan onani di khalayak ramai, persetubuhan haram, berpenampilan tidak sopan, pencabulan terhadap individu lain, dan sebagainya. Pada bulan September yang lalu, satu video dalam tempoh beberapa minit telah direkodkan secara rahsia oleh seorang lelaki di dalam tren MRT di Singapura dan menjadi viral setelah dimuat naik di laman facebook (*Online New Straits Times*, 24 Dis. 2018). Video tersebut memaparkan seorang lelaki berusia 20-an sedang melakukan masturbasi di dalam tren tersebut sambil memerhatikan seorang

wanita yang berpakaian agak seksi. Lelaki tersebut kelihatan menyentuh alat sulitnya tanpa rasa malu atau bersalah meskipun ketika itu beliau berada di khalayak umum. Namun begitu, melihatkan perkara ini menjadi topik perbualan umum secara meluas sehingga mengaibkan keluarga dan perasaan ibu remaja lelaki tersebut, seorang ahli keluarga lelaki tersebut tampil menyatakan kepada umum bahawa remaja lelaki tersebut seorang autisme dan tidak memahami perbuatan yang sedang dilakukannya. (*New Strait Times*, 22 September 2018).

Sebahagian individu autisme dalam kalangan *high functioning autism* (HFASD) turut merasakan tarikan terhadap jantina yang berlawanan dengan mereka. Mereka turut mengalami perasaan cinta dan suka terhadap individu yang lain seperti individu normal yang lain (Wedmore, 2011). Hal sedemikian mendorong mereka untuk turut melakukan hubungan seks sama ada dengan kerelaan pasangan mereka ataupun tidak. Hal ini berlaku kerana individu autisme dari aspek biologi mempunyai keinginan seksual seperti individu tipikal, namun mereka tidak memahami bahawa perilaku seksual yang dipamerkan itu salah. Melihat perkara ini, tidak mustahil bahawa sekiranya seseorang individu autisme akan terdorong untuk melakukan jenayah rogol, kerana kehendak biologi tanpa memahami bahawa perbuatan tersebut salah. Malah, kekurangan yang ada pada individu autisme kadangkala diambil kesempatan oleh individu tipikal untuk membiarkan diri mereka disetubuhi oleh individu autisme.

Satu kajian yang telah dilakukan terhadap 24 orang HFASD lelaki menunjukkan bahawa hampir 75% daripada kalangan mereka melakukan beberapa tabiat seksual yang boleh diklasifikasikan sebagai onani. Mereka turut mempamerkan beberapa tingkah laku onani menyimpang seperti menggunakan objek tertentu bagi mencapai kepuasan seksual secara kerap (Hellemans, 2007). Semua perilaku seksual tersebut dipamerkan tanpa memahami bahawa perbuatan tersebut salah dan jauh sekali untuk mengetahui bahawa perbuatan sedemikian suatu kesalahan yang termaktub dalam Kanun Keseksaan dan Undang-undang Jenayah Syariah di Malaysia (Zuraini & Zuliza, 2017).

Dalam masalah lain, 28% daripada sejumlah 100 individu autisme pernah berbogel di khalayak ramai (Ruble & Dalrymple, 1993). Dalam kajian lain pula, 77% daripada 61 orang individu autisme lelaki yang berumur antara 12 hingga 21 pernah berbogel di khalayak (Mohamed A. Huwaidi & Wid H. Daghustani, 2013). Jumlah individu yang terlibat merupakan satu angka yang agak tinggi. Meskipun begitu, terdapat kajian yang menyatakan

bahawa perlakuan melucutkan pakaian dan menunjukkan bahagian sulit pada tubuh mereka dilakukan bukan dengan niat seksual, tetapi dilakukan atas faktor kegagalan memahami dan menyedari hakikat perbuatan yang mereka lakukan (Bisera, 2010). Oleh itu, terdapat kepentingan untuk mewujudkan satu undang-undang khas atau pengecualian undang-undang terhadap individu autisme.

Dalam masalah berkaitan pencabulan yang dilakukan oleh individu autisme, kajian menunjukkan bahawa 46% daripada 24 orang lelaki autisme menyentuh individu lain yang berlainan jantina dan 17% daripada mereka tidak peduli jika individu yang disentuh tersebut berasa kurang selesa (Hellemans *et al.* 2007). Sebahagian mereka juga didapati kerap meraba, menyentuh bahagian dada dan lutut serta mencium individu berlawanan jantina yang tidak mereka kenali (Bisera, 2010). Kesalahan berkaitan perilaku seksual juga berlaku di Malaysia, apabila seorang remaja lelaki autisme berusia 22 tahun ditahan pihak polis setelah dituduh mencabul kehormatan seorang wanita berusia 24 tahun di sebuah restoran di Subang Jaya. Berdasarkan laporan yang diterima, pihak polis telah melakukan tahanan mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) biasa. Walau bagaimanapun, difahamkan permohonan reman terhadap pemuda itu ditolak oleh mahkamah atas faktor remaja lelaki tersebut seorang autisme, meskipun penahanan tersebut diakui sah dan mengikut prosedur oleh pihak polis (*MyNewsHub*, 12 Sept 2018).

Berdasarkan temu bual yang telah dilakukan, terdapat beberapa kesalahan yang telah dinyatakan oleh responden. Antaranya termasuklah perbuatan masturbasi di khalayak umum, menyentuh guru secara kurang sopan, menyentuh pelajar lain secara kurang sopan, memeluk guru dan pelajar lain, mengintai, dan menanggalkan pakaian di khalayak umum, (Responden 1, 2018; Responden 2, 2018; Responden 3, 2018; Responden 4, 2018; Responden 5, 2018). Antara kesalahan tersebut, perbuatan masturbasi, menyentuh guru dan pelajar lain secara kurang sopan, dan memeluk pelajar lain telah dinyatakan oleh kesemua responden sebagai perlakuan yang sering dilakukan oleh beberapa pelajar autisme di bawah seliaan mereka. Perbuatan menanggalkan pakaian di khalayak umum telah dinyatakan oleh dua daripada lima orang responden, dan perbuatan mengintai guru dinyatakan oleh dua empat orang responden. Hasil temu bual ini selari dengan pernyataan Zuraini (2014) dalam tulisannya yang turut menyatakan kesalahan tersebut sebagai kesalahan jenayah syariah yang sering dilakukan oleh sebahagian individu autisme.

Implikasi Pelanggaran Undang-undang oleh Individu Autisme

Individu autisme yang melanggar undang-undang kebiasaannya dilayan seperti suspek lain. Hal ini disebabkan tiada Prosedur Operasi Standard atau *Standard Operation Procedure* (SOP) yang khusus bagi melayan individu autisme sekiranya mereka didapati melakukan kesalahan tersebut. Hal ini terbukti melalui isu tindakan tangkapan dan penahanan reman yang dilakukan terhadap seorang remaja lelaki autisme di Malaysia yang didakwa mencabul kehormatan seorang wanita di Subang Jaya (*BH Online*, 20 Sept. 2018). Walaupun keluarga yang didakwa menyatakan bahawa anaknya seorang autisme yang mempunyai kapasiti mental individu berusia tiga belas tahun, anggota polis tetap tidak boleh mengecualikannya daripada ditahan dan direman sehingga arahan seterusnya diterima daripada pihak berkuasa. Pihak polis hanya bertindak mengikut SOP lazim, iaitu atas dakwaan yang dibuat, bertujuan menjalankan siasatan serta keadilan kepada pihak didakwa dan yang mendakwa (Nur Nazlina, 2018) .

Isu sama ada tangkapan perlu dikecualikan kepada individu dengan autisme hanya boleh ditentukan sekiranya dapat dibuktikan bahawa pihak yang didakwa tersebut dalam kalangan OKU kategori autisme. Dalam kes Ahmad Zikri yang berlaku di Subang Jaya, walaupun beliau akhirnya dibebaskan, tetapi sebelum itu tangkapan terhadapnya perlu dilakukan mengikut SOP berdasarkan aduan yang telah dibuat. Keesokan harinya barulah beliau dibebaskan dengan jaminan polis selepas mahkamah mengesahkan bahawa beliau merupakan individu yang mengalami ASD.

Pengesahan terhadap individu autisme mudah dilakukan sekiranya mereka memiliki kad OKU. Bagi individu autisme yang tidak memiliki Kad OKU pengesanan agak sukar dilakukan, tambahan lagi individu autisme ini berbeza-beza tahap IQ mereka menyebabkan kemungkinan tanggungjawab jenayah antara individu autisme juga berlainan. Seterusnya, untuk membezakan individu autisme itu berada pada tahap kategori tertentu, hanya boleh dilakukan oleh pakar berkaitan sahaja. Oleh itu, pihak polis, sama seperti masyarakat awam umum tidak mempunyai autoriti untuk memutuskannya.

HASIL KAJIAN

Dapatan kajian adalah selari dengan pernyataan Howlin (2004), Kings dan Murphy (2014), iaitu kecenderungan perlakuan melanggar undang-undang lebih tinggi dalam kalangan individu autisme disebabkan oleh beberapa faktor yang tertentu. Individu autisme berbeza dengan golongan

tipikal juga bukan tergolong dalam kalangan kurang siuman. Kepelbagaian spektrum yang wujud menyebabkan seseorang individu autisme berada dalam lingkungan spektrum (*Autistic Spectrum Disorder*) yang dibezakan melalui tahap pencapaian IQ mereka. Hal ini akan membahagikan mereka sama ada berada pada spektrum berbeza antara *low functioning autisme* dengan *high functioning autisme*, yang akan memberikan kesan berbeza terhadap IQ serta perilaku individu autisme tersebut.

Perilaku tersendiri individu autisme sukar difahami masyarakat, tambahan lagi sebahagian perilaku mereka termasuk dalam kategori kesalahan jenayah sivil dan jenayah seksual syariah. Dapatan kes lalu di luar negara mendapati bahawa sukar untuk membuktikan bahawa individu autisme tidak memahami perbuatan atau tindakan mereka itu suatu kesalahan jenayah kerana mereka mampu merancang sesuatu jenayah seolah-olah seperti individu tipikal. Namun begitu, tindakan jenayah tersebut dilakukannya kesan daripada sikap obsesi individu autisme terhadap aktiviti rutin harian. Apabila terdapat gangguan mereka cuba melenyapkannya, tanpa mempunyai motif jenayah. Aspek perundangan melihat individu autisme telah melakukan perbuatan salah, tetapi dari aspek individu autisme sendiri, mereka tidak mengetahui atau memahami bahawa tindakannya itu salah. Oleh itu, jika laporan dibuat terhadap perbuatan salah tersebut, SOP tangkapan akan dijalankan terhadap individu tersebut.

Individu autisme sepatutnya dilayan mengikut tahap kecerdikan IQ masing-masing, namun ketiadaan SOP khas, bermula pada peringkat tangkapan, layanan semasa penahanan dan siasatan terhadap mana-mana individu autisme yang didakwa menyebabkan ibu bapa yang mempunyai anak autisme, institusi yang memberikan bimbingan kepada anak-anak autisme berpandangan individu autisme tidak diadili mengikut undang-undang atau dinafikan hak undang-undangnya. Namun begitu, di Malaysia, ketiadaan SOP khusus yang boleh dijadikan panduan menyebabkan pihak polis hanya menggunakan SOP sedia ada. Di negara luar seperti Northern Ireland, suatu SOP khas telah diwujudkan sebagai panduan pihak polis ketika berhadapan dengan tahanan autisme.

KESIMPULAN

Kecelaruan neurologi yang kompleks menyebabkan munculnya beberapa perilaku yang gagal dikawal dengan baik oleh individu autisme. Perilaku ini ditonjolkan berpunca daripada kurangnya kemahiran sosial, tidak mampu mengurus diri dan pengaruh hormon. Masyarakat pula yang tidak membantu

dan lemah dari segi pengetahuan dan kemahiran individu untuk mengurus remaja autisme selain beberapa faktor lain seperti yang telah dibincangkan. Perwatakan individu autisme secara tidak langsung mendorong mereka melakukan perbuatan jenayah sama ada dalam keadaan sedar mahupun tidak. Antara kesalahan jenayah yang melibatkan mereka adalah seperti merancang serta melakukan pembunuhan, merancang dan menyebabkan kebakaran, terlibat dengan jenayah siber dan jenayah seksual. Memandangkan telah berlaku beberapa kes jenayah yang dikaitkan dengan individu autisme di negara ini, perhatian dan langkah yang lebih praktikal perlu dilaksanakan oleh pihak berkepentingan di negara ini memandangkan peningkatan jumlah individu autisme di Malaysia. Literasi undang-undang yang jelas tentang kesalahan jenayah individu autisme perlu diwujudkan agar boleh dijadikan panduan oleh pengamal undang-undang.

PENGHARGAAN

Penghargaan ditujukan kepada Kumpulan Penyelidikan “Pembinaan Garis Panduan Literasi Undang-undang Kesalahan Jenayah Seksual Autisme” (GGP-2017-009).

RUJUKAN

- American Psychiatric Association. (1994). *Diagnostic and statistical manual of mental disorders (DSM)*. Washington DC: American Psychiatric Association.
- American Psychiatric Association. (2002). *Diagnostic and statistical manual of mental disorders*. Fourth Edition, Text Revision. Washington, DC: American Psychiatric Association.
- American Psychiatric Association. 2013. *Diagnostic and statistical manual of mental health disorders (DSM-5)*. 5th ed. Washington, DC: American Psychiatric Association.
- Associated Press & Ashley Collman. (3 februari 2017). Twelve-year-old autistic boy is arrested for murder after shooting dead 21-year-old female gas station clerk during 2am armed robbery. *Mail Online*.
- Bernama. (12 Sept 2018). Reman Lelaki Autisme Berhubung Siasatan Kes Cabul Ditolak. *My News Hub*.
- Bisera, M. (2010). Opinions and attitudes of parents and students for sexual development, sexual behavior and gender identity of persons with autism in The Republic of Macedonia. *Journal of Special Education and Rehabilitation* 9(3), 7-24.

- Bleuler E. (1950). *Dementia praecox or the group of schizophrenias*. New York: International Universities.
- Brian Mastroianni. (4 September 2018). *Why doctors changed the way they categorize autism? Why DSM-5 changed*. Akses daripada <https://www.everydayhealth.com/autism/types/>
- Everall, I. P., & Le Couteur, A. (1990). Fire setting in an adolescent boy with Asperger's Syndrome. *British Journal of Psychiatry*, 157, 284–287.
- Fariza Md Sham, Salmihah Che Mud, Manisah Mohd Ali, Zuliza Mohd Kusrin, Rosmawati Mohamad Rasit & Siti Norlina Muhamad. (2017). Panduan syariah untuk ibu bapa menangani perilaku seksual remaja autisme. *Jurnal Hadhari an International Journal.Edisi Khas*.
- Fariza Md Sham, Manisah Mohd Ali, Zuliza Mohd Kusrin, Siti Norlina Muhamad, Rosmawati Mohamad Rasit & Salmihah Che Mud. (2017). *Menangani Masalah remaja Autisme*.Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn.Bhd.
- Fitzpatrick S. E, Srivorakiat. L, Wink. L. K, Pedapati E. V, & Erickson. (2016). Aggression in autism spectrum disorder: Presentation and treatment options. *Neuropsychiatr Disease and Treatment*, 12, 1525–1538.
- Freckelton, Ian. (2013). Autism spectrum disorders and the criminal law. In Mohammad-Reza Mohammadi (Ed.), *A comprehensive book on autism spectrum disorders*. UK: IntechOpen.
- Available from: <https://www.intechopen.com/books/a-comprehensive-book-on-autism-spectrum-disorders/autism-spectrum-disorders-and-the-criminal-law>.
- Gargiulo, R.M. (2003). *Special education in contemporary society: An introduction to exceptionality*. Belmont CA: WADSWORTH, Thomson Learning, Inc
- Haskins, B.G. & Silva, J.A. (2006). Asperger's disorder and criminal behavior: forensic- psychiatric considerations. *The Journal of the American Academy of Psychiatry and the Law*, 34, 374-84.
- Hellemans, H., Colson, K., Verbraeken, C., Vermeiren, R., Deboutte, D. (2007). Sexual behavior in high-functioning male adolescents and young adults with autism spectrum disorder. *Journal of Sexuality and Disability*, 37(2), 260-269
- Howlin, P. 2004. *Autism and Asperger syndrome: Preparing for adulthood*. Routledge; London.
- Jamila K.A. Mohamed. (2005). *Pendidikan khas untuk kanak-kanak istimewa*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Jean Cole. (13 Feb 2017). "McGlawn guilty of first-degree assault". *The News Courier*.
- Justin B Barry-Walsh & Paul E Mullen. (2004). Forensic aspects of Asperger's Syndrome. *The Journal of Forensic Psychiatry & Psychology*, 15, 1.
- Kanne, S. M., & Mazurek, M. O. (2011). Aggression in children and adolescents with ASD: Prevalence and risk factors. *Journal of Autism and Developmental Disorders*, 41(7), 926-937.

- Kanner L. (1943). Autistic disturbances of affective contact. *Nervous Child*, 2, 217-250.
- King, C. & Murphy, G. H. (2014). A systematic review of people with autism spectrum disorder and the criminal justice system. *Journal of Autism and Developmental Disorders*.
- Liew, G. (26 September 2018). Senior Psychiatrist, National Autistic Society of Malaysia (NASOM). (Personal interview).
- Liney Diana. Senior Autism Student Teacher, National Autistic Society of Malaysia (NASOM). (Personal Interview) on 25 January 2019.
- Meister C, Norlock, D. (1994). Sexuality and autism: A parenting skills enhancement group. *Sex Inf. Educ. Coun.*
- Mohamed A. Huwaidi, Wid H. Daghustani. (2013). Sexual behavior in male adolescents with autism and it's relation to social sexual skills in the kingdom of Saudi Arabia. *International Journal of Special Education* 28(2), 1-7.
- Murrie, D. C., Warren, J. I., Kristiansson, M., & Dietz, P. E. (2001). Asperger's syndrome in forensic settings. *International Journal of Forensic Mental Health*, 1, 59-70.
- Nichols, S., Blakeley-Smith, A.: "I'm not sure we're ready for this ...": working with families to ward facilitating healthy sexuality for individuals with autism spectrum disorders. *Social Work in Mental Health*, 8(1), 72-91 (2010)
- Nur Nazlina Nazri. Akses pada 2018 <http://www.utusan.com.my/berita/jenayah/penahanan-lelaki-autisme-ikut-sop-1.748491>
- Otero-López JM, Castro C, Villardefrancos E, Santiago MJ. 2009. Job dissatisfaction and burnout in secondary school teachers: Student's disruptive behavior and conflict management examined. *European Journal of Psychology of Education*, 2(2), 99-111.
- Quinn, M.M., Rutherford, R.B., and Leone, P.E. (2001), *Students with disabilities in correctional facilities*. Arlington, VA: ERIC Clearinghouse on Disabilities and Gifted Education.
- R. Iwn Clarke [2015] ECWA Crim 2192
- Rose Abdullah. Senior Instructor, National Autism Society of Malaysia (NASOM). Interview on 26 September 2018.
- Ruble, L.A. & Dalrymple, N.J. (1993). Social/Sexual awareness of persons with autism: A Parental perspective. *Archives of Sexual Behavior* 229-240.
- Rudy, L. J. . (3 Disember 2018). "What are the different types of autism? Many different autisms; one autism spectrum?" Akses daripada <https://www.verywellhealth.com/what-are-the-different-types-of-autism-260611>
- Rudy, L. J.. (30 March 2017). "Do people with autism lack sympathy and empathy? How autism may affect sympathy and empathy?". Akses daripada <https://www.verywellhealth.com/do-people-with-autism-lack-empathy-259887>
- Sabatiah. Autistism Student Teacher, National Autistic Society of Malaysia (NASOM). (Personal interview) on 28 Oktober 2018.

- Safeek Affendy Razali. (20 September 2018). Moga kes Ahmad Ziqri tidak berulang. *Berita Harian Online*.
- Siti Maherah. Autistism Student Teacher, National Autistic Society of Malaysia (NASOM). (Personal Interview) on 28 Oktober 2018.
- Sullivan, A., Caterino, L. (2008). Addressing the sexuality and sex education of individuals with autism spectrum disorders. *Education Treatment of Children*, 31(3), 381–394.
- Today Online/NST. 22 September 2018. Youth masturbating on Singapore train in viral video autistic, family says. *Online New Straits Times*.
- U.S. Department of Education Office of Civil Rights (2014, March 21). Civil Rights Data Collection: Data Snapshot (School Discipline). Issue Brief No. 1.
- Vermeiren, R., Jaspers, I., & Moffit, T. (2006). *Mental health problems in juvenile justice populations*. Child and Adolescent Psychiatry Clinics of North America.
- Wedmore, H.V. (2011). *Autism spectrum disorders and romantic intimacy*. Iowa: Iowa State University.
- Wing, L. & Gould, J. (1979). Severe Impairments of Social Interaction and Associated Abnormalities in Children: Epidemiology and Classification. *Journal of Autism and Developmental Disorders*, 9, 11-29.
- Wing, L. (1976). *An approach to teaching autistic children*. London: Pergamon Press.
- Wing, L. 1981. Language, social and cognitive impairments in autism and severe mental retardation. *Journal of Autisme and Developement Disorder*, 11(1): 31-4.
- Zuraini Yaakub. (2014). *Amalan intervensi perilaku seksual remaja autistic spectrum disorders (ASD) oleh Guru Program Pendidikan Khas Integrasi (GPPKI)*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Zuraini Yaakub & Zuliza Mohd Kusrin. 2015. Amalan intervensi perilaku seksual remaja Autistic Spectrum Disorders (ASD) oleh Guru Program Pendidikan Khas Integrasi (GPPKI). *Jurnal Islamiyat*, 37(2). Universiti Kebangsaan Malaysia.

Diperoleh (*received*) : 7 Januari 2019

Diterima (*accepted*) : 5 April 2019